

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.4()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 9 TAHUN 2023**

Tarikh : 26 September 2023 (Selasa)

Masa : 10.00 pagi – 11.45 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2
Bangunan MBSJ

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN SEPTEMBER 2023

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan September 2023 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang kesembilan bagi tahun 2023. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi amanat yang telah disampaikan oleh Pemimpin Kerajaan iaitu YAB Dato' Menteri Besar Selangor yang berucap dalam Program Jelajah Belanjawan 2024 Negeri Selangor telah diadakan pada 21 September 2023, yang turut dihadiri Timbalan Menteri Kewangan II, YB Tuan Steven Sim Chee Keong serta wakil daripada pelbagai agensi Kerajaan.

YAB Dato' Menteri Besar Selangor memaklumkan dalam sesi libat urus ini, Kerajaan Negeri turut memberi input berkaitan pembangunan infrastruktur, pelancongan, kemudahan, bencana, termasuk perkara baru iaitu rejuvenasi kawasan-kawasan lama negeri. Kerajaan Negeri turut menekankan kepentingan projek-projek utama seperti tebatan banjir yang akan memberi manfaat kepada rakyat dan kesejahteraan Negeri.

Selain itu juga, Selangor turut berhasrat menggabungkan empat bandar raya negeri ini sebagai 'Kosmopolitan Lembah Klang' atau 'Metropolis Lembah Klang' pada tahun hadapan dengan

menjadikan empat bandar raya menjadi bandar raya mega (*super city*).

Seterusnya amanat Ketua Audit Negara dalam Majlis Amanat Perdana Integriti 2023 dan Perasmian Persidangan Integriti Kebangsaan pada 14 September 2023 bertempat di Pusat Konvensyen Borneo Kuching Sarawak.

Ketua Audit Negara menyatakan bahawa Jabatan Audit Negara bertindak sebagai semak dan imbang bagi memastikan Jabatan Kerajaan melaksanakan mandat Kerajaan dengan telus dan bertanggungjawab melalui amalan tadbir urus yang baik. Ketua Audit Negara menegaskan bahawa, Audit Negara akan mengambil peranan yang lebih aktif dalam memastikan setiap isu yang memerlukan tindakan disusul sehingga selesai iaitu tindakan sewajarnya atau siasatan lanjut oleh agensi penguatkuasa yang berkenaan.

- ii) Datuk Bandar juga turut memaklumkan berkenaan penganjuran Fokus Group Discussion (FGD) bagi menghasilkan laporan 'Voluntary Local Review (VLR)' dan SDG's Subang Jaya City Roadmap.

Sustainable Development Goals (SDG) telah menggariskan 17 matlamat Pembangunan Mampan yang merupakan agenda sejagat yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak bagi menambahbaik

dan meningkatkan kualiti kehidupan serta persekitaran masyarakat. Tiga (3) dimensi utama di dalam SDG iaitu Sosial, Ekonomi dan Alam Sekitar dan 5 fokus utama iaitu manusia, bumi, kesejahteraan, keadilan dan kerjasama.

MBSJ melalui Jabatan Perancangan Bandar dalam proses untuk menghasilkan dua laporan iaitu *Voluntary Local Review 2024* dan *SDG's Subang Jaya City Roadmap*. Laporan '*Voluntary Local Review*' (VLR) merupakan dokumen yang akan melaporkan pencapaian, perkongsian, pengalaman, kejayaan dan cabaran, yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk menambahbaik kemajuan pelaksanaan SDG.

MBSJ telah menghasilkan *Subang Jaya Voluntary Local Review 2021* dan kini didalam proses untuk menghasilkan *Subang Jaya Voluntary Local Review 2024* dimana 7 matlamat utama telah diberi keutamaan iaitu SDG 3 (Kesihatan Yang Baik dan Sejahtera), SDG 4 (Pendidikan Berkualiti), SDG 5 (Kesaksamaan Jantina), SDG 8 (Pekerjaan Yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi), SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan), SDG 12 (Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab) dan SDG 13 (Tindakan Memerangi Perubahan Iklim).

Manakala bagi laporan *SDG's Subang Jaya City Roadmap* pula merupakan dokumen yang akan melaporkan cadangan serta inisiatif tambahan yang akan dijalankan oleh Pihak Berkuasa

Tempatan sehingga tahun 2030. Laporan ini juga akan melibatkan pelaporan program atau projek berkaitan 17 Matlamat Pembangunan Mampan bermula pada tahun 2023 hingga 2030.

Penyediaan laporan VLR 2024 dan SDGs Subang Jaya *City Roadmap* akan menyaksikan kerjasama antara pihak Urbanice Malaysia yang dilantik oleh MBSJ sebagai rakan strategik kerana berpengalaman melaksanakan laporan VLR MBSJ 2021. Urbanice Malaysia juga bertanggungjawab untuk membentangkan Laporan VLR Subang Jaya ke *United Nations High Level Political Forum* (HLPF) di New York yang dijangka berlangsung pada bulan Julai 2024.

Bagi menjayakan penyediaan laporan VLR 2024 dan SDGs Subang Jaya *City Roadmap*, MBSJ telah mengadakan sesi FGD pada 29 Ogos 2023 (Selasa) bertempat di The Saujana Hotel, Shah Alam. FGD siri 1 ini melibatkan Jabatan dalaman MBSJ sahaja untuk mengenal pasti tahap kesedaran kepentingan SDG dalam organisasi serta mendapatkan maklum balas bagi pelaksanaan inisiatif SDG yang telah dijalankan oleh setiap jabatan. FGD ini dilaksanakan melalui pembentangan, perbincangan dan sesi soal jawab.

- iii) Seterusnya pemakluman berkenaan Sesi Town Hall Bajet MBSJ 2024 akan diadakan pada 15 Oktober 2023, hari Ahad bertempat di

Hotel Saujana Kuala Lumpur bermula jam 8.00 pagi sehingga 1.00 petang.

Sesi townhall ini melibatkan 3 tema utama yang menjadi hala tuju pembangunan MBSJ iaitu Pembangunan Sosio Ekonomi yang *Vibrant*, Infrastruktur, Utiliti, Kemudahsampaian yang Cepak dan Pintar serta Alam Sekitar Mampan dan Masyarakat Madani.

Sesi kali ini berbentuk '*participatory budgeting*' bagi mendapatkan pandangan dan cadangan daripada warga MBSJ dengan penglibatan Ketua Jabatan, Ahli Majlis serta 5 orang wakil Majlis Perwakilan Penduduk yang terdiri daripada 24 zon MPP di MBSJ.

- iv) Seterusnya, berkenaan Program MBSJ Merdeka Madani 2023. Tema sambutan Bulan Kemerdekaan bagi tahun 2023 adalah Malaysia Madani: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan. Tema yang dipilih ini adalah bagi mendasari tekad serta komitmen pemimpin bersama rakyat sebagai sebuah bangsa yang memiliki semangat perpaduan yang tinggi, bersatu padu serta kehidupan yang aman dan sejahtera.

MBSJ turut mengambil peluang ini untuk bersama menyemarakkan nilai perpaduan di kalangan komuniti dan pelajar sekolah melalui penganjuran program MBSJ MERDEKA MADANI 2023 yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang bulan Ogos hingga September 2023 dengan penglibatan beberapa peringkat umur komuniti.

Bagi kuiz komuniti merdeka, sebanyak 4 siri kuiz komuniti telah dilaksanakan dan pihak urusetia telah menerima sebanyak 385 penyertaan dari komuniti bandar raya.

Selain itu, program kemerdekaan turut diserikan dengan pertandingan lagu patriotik GENERASI BESTARI MBSJ 2023 yang terbuka kepada sekolah di bawah kawasan pentadbiran MBSJ. Pihak urusetia telah menerima sebanyak 51 penyertaan dimana 17 penyertaan diterima dari peringkat sekolah menengah dan 34 daripada peringkat sekolah rendah.

Aktiviti yang terakhir merupakan kempen kibar Jalur Gemilang dengan 15 penyertaan telah diterima iaitu 5 penyertaan daripada kategori taman perumahan, 2 penyertaan kategori kampung tradisi dan 8 penyertaan kategori pangsapuri. Kesemua pendaftaran dan penyertaan telah diterima melalui *Joint Management Body* (JMB) atau Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) di kawasan masing-masing.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang telah dilaksanakan selepas Mesyuarat Penuh. Tahniah kepada semua pemenang dan syabas diucapkan kepada seluruh komuniti Bandaraya atas semangat kemerdekaan dan patriotik yang telah ditunjukkan.

- v) Datuk Bandar memaklumkan bahawa, Program Hari Tanpa Kenderaan (HTK) MBSJ 2023 akan diadakan pada 1 Oktober 2023

(Ahad) bertempat di Jalan SS 16/1 berhadapan dengan Aeon Big Subang Jaya dan Subang Parade. Program ini merupakan edisi yang ke-14 dan pada bulan ini akan dilaksanakan pada hari Ahad minggu pertama. Lebih 20 aktiviti yang akan dilaksanakan pada hari Ahad ini yang terdiri daripada aktiviti santai, pertandingan, demonstrasi, pameran dan jualan serta aktiviti berbentuk komuniti berdaya.

Antara aktiviti yang akan dilaksanakan adalah senamrobik, kayuhan santai, *abseiling/flying fox*, memanah, *Selangor Criterium Series*, *Street Soccer*, demonstrasi memasak chef selebriti, bazar sarapan pagi, pemeriksaan kesihatan dan mata percuma, refleksologi, kaunter bergerak cukai taksiran, pameran penghasilan baja kompos (JPAS MBSJ), pameran kesedaran bahaya denggi (Kesihatan MBSJ), Eco Free Market, program '*What A Waste*', pameran agensi-agensi luar serta cabutan bertuah dengan hadiah yang menarik menanti para pengunjung. Diharapkan warga Subang Jaya dapat bersama-sama menyertai aktiviti Hari Tanpa Kenderaan ini.

- vi) Selain itu juga, Datuk Bandar turut memaklumkan berkenaan program '*Selangor Criterium Series*' yang merupakan satu siri perlumbaan basikal jalan raya dan inisiatif yang diasaskan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj untuk menggilap dan

mengembangkan juara dunia berbasikal yang berasal dari Negeri Selangor.

Sebanyak '2 Series' akan dijalankan dalam program ini yang melibatkan MBSJ sebagai tuan rumah dan penganjur bersama serta Persatuan Berbasikal Negeri Selangor dan Selangor Youth Community sebagai rakan penganjur dalam menjayakan Selangor *Criterion Series X* Subang Jaya 2023.

Sukan ini dilihat mampu memperkasakan lagi perkembangan pasukan berbasikal di sekitar Negeri Selangor, khususnya di peringkat amatur dan semi-pro. Bagi 'Series 1' program akan dilaksanakan bersama Program Hari Tanpa Kenderaan (HTK) MBSJ 2023 pada 1 Oktober 2023 (Ahad) manakala bagi 'Series 2' telah dijadualkan pada bulan Disember 2023.

Diharap platform ini akan memberikan peluang kepada pasukan basikal tempatan untuk terus berkembang dalam Selangor *Criterion Series*. Keterangan lanjut mengenai program ini boleh didapati melalui media sosial rasmi MBSJ.

- vii) Seterusnya, Datuk Bandar memaklumkan berkenaan Karnival Bandaraya Subang Jaya. Pada bulan Oktober 2023, genaplah tiga tahun usia bandar raya sebagai Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) sejak dinaiktaraf daripada Perbandaran ke Bandaraya pada 20 Oktober 2020.

MBSJ telah merencanakan pelbagai program dengan melibatkan semua peringkat komuniti MBSJ yang telah mula dilaksanakan sejak bulan Ogos 2023 dan berlangsung sehingga bulan Disember 2023. Program yang dilaksanakan bertujuan untuk menyemarakkan rasa kepunyaan bandaraya di kalangan komuniti sekaligus sebagai tanda penghargaan kepada pemegang taruh yang banyak memberikan sokongan dan galakan dalam meningkatkan mutu perkhidmatan MBSJ.

Acara kemuncak bagi sambutan ulang tahun ini adalah Karnival Bandaraya Subang Jaya 2023 yang akan dilaksanakan pada 20 hingga 22 Oktober 2023 dan terdapat 17 program yang telah dirancang di dalam karnival ini iaitu Perbarisan oleh Jabatan-Jabatan, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ dan Pemegang Taruh, Pertandingan Bola Tampar (4 On 4), Sukan Rakyat, Pertandingan Dart Terbuka, Pertandingan Netball Shootout (5 On 5), Pertandingan Pushbike, Pertandingan Melukis dan Mewarna Kanak-Kanak, Pertandingan Karom Terbuka, Pameran MBSJ dan Pelbagai Agensi, Kempen Derma Darah dan Pemeriksaan Kesihatan, Pertandingan Penalty Shootout (5 On 5), *Inflatable Castle*, *Animal Show and Petting Zoo*, Persembahan Bunga Api, Jualan Makanan (*Food Truck*) dan Mini Konsert (Persembahan Kumpulan Wak Jeng).

Orang ramai dijemput untuk bersama-sama memeriahkan Karnival Bandaraya Subang Jaya ini dengan menyertai aktiviti yang telah disediakan. Keterangan lanjut mengenai program-program serta

insentif yang menarik sempena ulang tahun ketiga ini boleh didapati melalui laman web dan media sosial rasmi MBSJ.

- viii) Seterusnya pemakluman berkaitan Sukan Persatuan Badan Berkanun Malaysia (SUKANUN) yang telah diadakan pada 3 hingga 10 September bertempat di Univesiti Teknologi Mara Perlis Indera Kayangan. Pasukan MBSJ telah berjaya mendapat tempat ketujuh dalam kedudukan keseluruhan daripada 59 agensi dan meraih pingat seperti berikut :

PINGAT	JUMLAH	PASUKAN
Emas	1	Futsal Wanita
Perak	1	Basikal Kriterium
Gangsa	3	i. Futsal Lelaki ii. Karom Berpasukan iii. Sepak Takraw Antara Regu

Tahniah dan syabas diucapkan kepada kontigen MBSJ.

- ix) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu epid ke-38, MBSJ mencatatkan jumlah kes demam denggi sebanyak 5,936 kes positif. Jumlah ini mencatatkan kenaikan sebanyak 41.2 peratus jika dibandingkan dengan tahun 2022 yang mencatatkan sebanyak 3492 kes pada minggu epid yang sama.

Sebanyak 8 lokaliti wabak *hotspot* dikenal pasti pada minggu epid ke-38 ini. Kes demam denggi secara keseluruhan menunjukkan sedikit penurunan kes pada minggu ini sebanyak 3 peratus jika

dibandingkan dengan kes minggu lepas. Pihak MBSJ bersama-sama Pejabat Kesihatan Daerah Petaling telah menjalankan kawalan wabak dengan melaksanakan pemusnahan tempat pembiakan, larvasiding dan semburan kabus.

Oleh yang demikian, penduduk dinasihatkan untuk menjalankan kempen 10 minit seminggu sekali mencari dan memusnahkan tempat pembiakan bagi memastikan tiada takungan air yang boleh menjadi punca pembiakan Aedes. Selain itu, pihak komuniti turut digalakkan menjalankan aktiviti gotong royong bagi memusnahkan tempat pembiakan Aedes.

- x) Datuk Bandar juga mengambil kesempatan mengucapkan selamat menyambut Maulidur Rasul kepada semua umat Islam dalam kawasan pentadbiran MBSJ.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 8/2023

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2023 bertarikh 22 Ogos 2023 (Selasa) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 8/2023

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 8/2023 bertarikh 22 Ogos 2023 (Selasa) disahkan tanpa pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 16/2023 bertarikh 4 September 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 17/2023 bertarikh 12 September 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 10 & m/s 112	Encik Yap Kok Weng	Hal-hal Lain	Beliau memaklumkan bahawa isu berkaitan jambatan bertingkat yang menyambungkan Jalan PSK Bukit Serdang dengan Jalan Besar Seri Kembangan telah dibangkitkan dalam mesyuarat

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				dan mesyuarat bersetuju supaya Mesyuarat Khas dilaksanakan bagi membincangkan isu berkenaan dengan lebih lanjut. Walau bagaimanapun, perkara ini tidak dicatatkan dalam minit mesyuarat. Beliau memohon supaya perkara ini dicatatkan dalam minit mesyuarat untuk pemantauan. Ahli Majlis kawasan Bukit Serdang dan kawasan berdekatan juga perlu dijemput bersama dalam mesyuarat khas tersebut. Maklum balas mesyuarat : Urusetia Mesyuarat diminta membuat pindaan minit mesyuarat dengan memasukkan isu berkaitan jambatan bertingkat tersebut. Tindakan : Jabatan OSC

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 8/2023 bertarikh 11 September 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 4.1.1(ii) & m/s 4	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim / Encik Thamilarusu a/l Sandayan	Perkara Berbangkit – Pelekat Kenderaan	Beliau memohon perkara berikut : i) Penjelasan berkenaan prosedur bagi permohonan pelekat parkir kenderaan bagi kediaman rumah teres. ii) Mencadangkan supaya ditambah keperluan mengemukakan salinan cukai jalan semasa permohonan bagi mengelakkan pelekat kenderaan diletakkan di kenderaan buruk dan tidak bergerak.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				iii) Mencadangkan bilangan pelekat diberikan sebanyak 2 pelekat bagi setiap kediaman. Maklum balas mesyuarat : Permohonan pelekat kenderaan dibenarkan kepada pemilik kediaman dan perlu mengemukakan salinan bil utiliti. 1 pelekat kenderaan sahaja dibenarkan bagi setiap kediaman dan kenderaan perlu diletakkan di hadapan rumah pemilik sahaja. Mesyuarat meminta supaya cadangan yang diberikan berkaitan isu pelekat kenderaan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Mesyuarat Jawatankuasa. Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
2.	Para 6.1 & m/s 8	Encik Yap Kok Weng / Encik Wan Shukri bin Wan Mustapha	Penggunaan Peruntukan Kerja-kerja Inden MPP MBSJ bagi bulan Januari – Ogos 2023	Beliau memohon penjelasan terhadap perkara berikut : i) Tarikh untuk membuat permohonan terhadap baki peruntukan. ii) Memohon supaya diberikan tempoh bagi permohonan yang telah dihantar tetapi belum menerima keputusan. iii) Membenarkan permohonan baharu dibuat bagi menggantikan permohonan yang ditolak. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memutuskan supaya Jabatan Pembangunan Masyarakat menyelaraskan baki peruntukan kerja-kerja inden tersebut. Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
3.	Para 7.2 & m/s 10	Puan Lee Jen Uyin	Kertas Cadangan – Perubahan Kadar Harga dan Waktu Operasi Kolam Renang Kompleks 3K MBSJ	Beliau mencadangkan supaya MBSJ mengendalikan kelas belajar berenang dengan kadar bayaran mampu milik bagi memberi peluang kepada semua golongan. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat bersetuju dan Jabatan diminta meneliti serta mengkaji cadangan tersebut. Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat
4.	Para 7.4 & m/s 15	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Kertas Cadangan — Program Kerjasama Bersama GOLD dengan Pusat Perkembangan Kanak-Kanak Kompleks 3C,	Beliau memaklumkan program yang melibatkan penjagaan OKU merupakan program yang sangat bagus serta selari dengan agenda SDG iaitu '<i>Leave No One Behind</i>'. Beliau turut mencadangkan supaya MBSJ melaksanakan program yang melibatkan penjagaan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			MBSJ	warga emas sebagai persiapan awal kerana merujuk kepada populasi penduduk di kawasan Subang Jaya majoriti penduduk termasuk dalam kategori menua dalam tempoh masa terdekat. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat bersetuju dan Jabatan diminta meneliti serta mengkaji cadangan tersebut. Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 9/2023 bertarikh 12 September 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan penjelasan dan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 2	Encik Wan Shukri bin Wan Mustapha / Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	Cadangan Untuk Mengadakan Kempen 'Flat Rate' Bagi Semua Kompaun Trafik yang Melibatkan Kesalahan di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta)(MBSJ) 2007 Sempena Ulang Tahun MBSJ	Beliau memohon penjelasan berkenaan perkara berikut : i) Cadangan pelupusan tunggakan kompaun yang melebihi 180 hari. ii) Kajian terperinci perlu dilaksanakan terhadap cadangan pelupusan tunggakan kompaun melebihi 180 hari bagi memberikan pengajaran dan mendidik masyarakat supaya mematuhi undang-undang. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memaklumkan bahawa merujuk Akta 593 Kanun Prosedur Jenayah telah menetapkan tempoh 3 bulan (90 hari) bagi melengkapkan kertas siasatan. Walau bagaimanapun, MBSJ telah

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				melanjutkan tempoh tersebut kepada 180 hari bagi penyediaan kertas siasatan. Cadangan berkenaan pelupusan tunggakan kompaun yang melebihi 180 hari akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa untuk perbincangan lanjut. Tindakan : Jabatan Undang-Undang
2.	Para 5.4 & m/s 6	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Cadangan Lawatan Penandaarasan Ahli Jawatankuasa Kewangan ke Kota Kinabalu	Beliau memohon perkara berikut : i) Penginapan bilik Ahli Majlis adalah jenis <i>single</i> dan memohon supaya dibetulkan dalam minit mesyuarat. ii) Penyertaan lawatan penandaarasan ini melibatkan semua Ahli Majlis MBSJ.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat bersetuju supaya lawatan penandaarasan ke Kota Kinabalu melibatkan semua Ahli Majlis MBSJ dengan penginapan jenis <i>single</i>. Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 9/2023 bertarikh 18 September 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan penjelasan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 2.3 & m/s 6	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop	Taklimat Mengenai Pembangunan Sekolah-Sekolah	Beliau mencadangkan supaya pihak Majlis mengambil inisiatif menjadi pemudahcara kepada pengusaha sekolah

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
		Hashim	Agama dan Institusi Tahfiz dalam Pentadbiran MBSJ	agama serta Institusi tahfiz yang beroperasi dalam pentadbiran MBSJ dengan memberikan taklimat, nasihat serta cadangan yang berkaitan sehingga mendapat kelulusan. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat mengambil maklum dan Jabatan Perancangan Bandar diminta meneliti cadangan tersebut. Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar
2.	Para 10.4 & m/s 11	Puan Lee Jen Uyin	Cadangan Pelaksanaan Sandbox Mikromobiliti di Kawasan MBSJ melalui Garis Panduan Pelaksanaan	Beliau memohon supaya Puchong Jaya turut dijadikan lokasi pelaksanaan Sandbox Mikromobiliti. Satu mesyuarat khas perlu dilaksanakan bersama agensi / Jabatan berkaitan bagi perbincangan lanjut sebelum pelaksanaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Sandbox Mikromobiliti	Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat mengambil maklum dan Jabatan Perancangan Bandar diminta meneliti cadangan tersebut. Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 9/2023 bertarikh 19 September 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan penjelasan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.4 & m/s 7	Encik Yap Kok Weng	Laporan Jabatan Landskap bagi bulan Ogos 2023	Beliau memohon supaya bajet bagi kerja pemangkasan pokok ditambah memandangkan banyak kerja-kerja pemangkasan pokok perlu dilaksanakan bagi menghadapi

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				musim monsun yang akan mengakibatkan kejadian pokok tumbang berlaku. Maklum balas mesyuarat : Mesyuarat memaklumkan bahawa bajet bagi kerja-kerja pemangkasan pokok akan ditambah bagi menghadapi musim monsun. Makluman

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 9/2023 bertarikh 20 September 2023

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur,
Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya
Subang Jaya bil. 7/2023 bertarikh 21 September 2023**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Wan Shukri bin Wan Mustapha, wakil daripada Parti Amanah.

8.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.

Tarikh Disediakan : 27 September 2023

" #KITASELANGOR MAJU BERSAMA "

" MALAYSIA MADANI "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;




(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;



(HJ. MOHD FAUZI BIN HJ. MOHD YATIM), S.M.S

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

1. YBrS. Tuan Haji Mohd Fauzi bin Haji Mohd Yatim, s.m.s - Pengerusi
Datuk Bandar
2. YBrS. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S. - Setiausaha
Timbalan Datuk Bandar Mesyuarat
3. YBrS. Tuan Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K.
Timbalan Setiausaha

HADIR (AHLI MAJLIS)

1. Encik Yap Kok Weng - Ahli Majlis
2. Encik M. Anbarasan a/l Murugesu - "
3. Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim - "
4. Encik Thomas Low Yew Sin - "
5. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - "
6. Encik Chia Yew Ken - "
7. Encik Thamilarusu a/l Sandayan - "
8. Puan Lee Jen Uyin - "
9. Encik Thong Kim Fatt - "
10. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "

11.	Encik Wong Yii Seang	-	"
12.	Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin	-	"
13.	Puan Sarawati binti Mukhtar	-	"
14.	Encik Pravin a/l Murali	-	"
15.	Encik Tah Yap Keong	-	"
16.	Encik Ahmad Danish bin Hairudin	-	"
17.	Puan Tanujah a/p Debul Singh	-	"
18.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"
19.	Encik Wan Shukri bin Wan Mustapha	-	"
20.	Encik Khairol Basri bin M.Arif	-	"
21.	Encik Parithi Vaanan a/l Ramasamy	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)

1. Tuan Haji Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
3. Puan Hajah Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
4. Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

5. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
6. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
7. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CelO
Pengarah, Jabatan Pelesenan
8. Puan Hajah Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.P.C., P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
10. Sr. Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
11. Puan Sarina binti Saad
Pengarah, Jabatan OSC
12. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
13. Encik Shahrul Fadli bin Abdu Rashid
Pengarah, Unit Audit Dalam
14. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
15. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaali
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
16. TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
17. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Pelesenan

18. Puan Nadia bin Muhamad Amin
Penolong Pengarah, Jabatan Landskap
19. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh - Ahli Majlis
2. Encik Teh Eng Teck - Ahli Majlis
3. Puan Ng Seow Chen - Ahli Majlis
4. TPr. Ismail bin Muhamad , A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
5. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pengarah, Jabatan Pelesenan
6. Ts.Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
7. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
8. Puan Emilia Binti Nasir, CEO
Penolong Pengarah, Unit Integriti

URUSETIA

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan